

PEMBERIAN SESEORANG MUSLIM UNTUK RUMAH IBADAT AGAMA LAIN DALAM KONTEKS SINGAPURA

Donation From A Muslim To Palace Of Worship Of Other Faith In Singapore Context

Syarifah Nadirah Nasibahⁱ & Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafariⁱⁱ

ⁱCalon Ph.D Syariah dan Kehakiman (USIM)

semutku.9104@yahoo.com

ⁱⁱAlumni PhD USIM, pensyarah bebas Singapura

Md_Adib1@hotmail.com

Abstrak:

Dalam usaha menggalakkan keharmonian antara kaum, agama dan pemantapan perpaduan nasional antara masyarakat Singapura, beberapa agensi kerajaan dan persatuan telah mengadakan siri lawatan ke rumah-rumah ibadat di Singapura. Usaha ini diharap dapat memupuk sifat saling menghormati dan menambahkan kefahaman serta pengenalan kepada amalan kepercayaan agama lain. Beberapa isu hukum telah berbangkit dari program ini bagi masyarakat Islam, antaranya status pemberian yang diberikan kepada pihak rumah ibadat tersebut ketika mereka menziarahinya. Kertas kerja ini bertujuan melihat sejauh manakah keharusan seorang muslim menyumbang kepada rumah ibadat selain masjid. Pendekatan deskriptif dan induktif telah diguna pakai dalam metodologi kajian ini bagi mengumpulkan pendapat ulama serta hujah-hujah mereka. Manakala pendekatan analitikal dan kritikal pula digunakan bagi membincangkan pandangan tersebut sebelum sebuah pendapat yang dapat menjaga kemaslahatan agama Islam

Abstract:

In effort to promote racial and religious harmony as well as to foster national unity among Singaporeans, several government agencies and associations organized a series of visits to houses of worship in Singapore. This effort is expected to foster mutual respect and enhance understanding and recognition of other religious practices. Certain legal issues have arisen from the program for the Muslim community, like the status of the donation given to the house of worship when they visit it. This paper aims to see if it is allowable for a muslim to contribute to a huses of worship other than mosque. A descriptive and inductive approach is being used ini this research's methodology to gather the scholar's opinions, as well as their argument. Analytical and critical approach is used to discuss those views before an opinion that can safeguard the interest of Islam and racial harmony is chosen. This study found that Islamic law does not prevent a Muslim from offering something to other religions, but in the matter of contributing to a house of worship

<p><i>dan keharmonian antara kaum dipilih. Kajian ini mendapati bahawa syarak tidak menghalang seseorang muslim menghadihkan sesuatu kepada penganut agama lain, namun begitu dalam permasalahan menyumbang kepada rumah ibadat sama ada melalui instrumen sedekah, wakaf dan wasiat adalah dilarang.</i></p>	<p><i>whether through donations, waqf and wills is prohibited. However, if there is a need to maintain a good image of Islam it is allowed under certain conditions.</i></p>
<p>Kata kunci: <i>Keharmonian kaum, Pemberian, Maqasid Al Syariah, Rumah ibadat selain masjid, Imej baik agama Islam.</i></p>	<p>Keywords: <i>Racial harmony, Giving, Objective of Syariah, House of worship other than mosque, Good image of Islam.</i></p>

Pendahuluan:

Agama Islam menggalakkan penganutnya untuk saling memberi bagi mengeratkan lagi hubungan antara manusia dan menyebarkan kasih sayang kepada seluruh makhluk. Dalam usaha mengeratkan hubungan antara agama dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama, seseorang muslim atau persatuan Islam berkemungkinan memberikan sesuatu hadiah atau pemberian kepada rumah ibadat agama lain. Kertas kerja ini cuba membahaskan hukum pemberian itu sama ada dalam bentuk hadiah, wakaf ataupun wasiat.

PEMBERIAN TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM:

Pemberian kepada rumah ibadat agama lain adalah cabang dari pemberian kepada individu bukan Islam. Bermakna jika pemberian kepada seorang bukan Islam itu dilarang, maka pemberian kepada rumah ibadat mereka terlebih patut ditegah. Oleh yang demikian penulis akan melihat terlebih dahulu pandangan syarak dalam masalah pemberian seorang muslim kepada individu bukan Islam yang tidak memerangi agama Islam dan masyarakatnya kerana secara umum, begitulah sifat masyarakat bukan Islam di Singapura.

Kemudian pemberian yang diberikan itu boleh jadi dalam bentuk hadiah, wasiat atau wakaf (Al Syafie: 1983 & Al Rafie: 1997). Oleh yang demikian penulis akan mengkaji setiap bentuk pemberian tersebut kepada individu bukan Islam terlebih dahulu kemudian darinya mengeluarkan hukum pemberian kepada rumah ibadat mereka.

Pemberian Kepada Individu Bukan Islam:

Sesetengah ulama tidak membezakan antara pemberian (*Hibah*) dan hadiah. Ini jelas kelihatan apabila mereka mengemukakan hadis hadiah sebagai dalil bagi *hibah*. Mereka mengatakan bahawa pemberian itu adalah: “Memindahkan hak milik tanpa

pertukaran” (Ibnu Qudamah: 2004). Al-Aini Al-Hanafi pula mendefinisikannya dengan: “Memberikan hak milik zat sesuatu bersama manfaatnya” (Al-Aini: 1980)

Sebahagian ulama membezakan antara pemberian dan sedekah dengan mengatakan: “*Hibah* adalah pemberian tanpa pertukaran bukan dengan tujuan mengharap pahala, ia diberikan kerana penerima pemberian itu, sedangkan sedekah adalah pemberian yang mengharap pahala di akhirat (Al-Amir: Tt & Al-Nafrawi: 2005). Namun begitu, terdapat juga para ulama yang memisahkan antara pemberian dengan hadiah dengan mengatakan: “*Hibah* adalah memberi hak milik kepada seseorang dengan tanpa pertukaran dan hadiah berbeza darinya dengan dibawa pemberian itu kepada penerima hadiah” (Al-Ansari: 2005).

Walau apa pun hubungan antara hibah, hadiah dan sedekah, ia tetap dibahaskan di bawah tajuk pemberian. Para fuqaha telah bersepakat bahawa penerima pemberian itu tidak disyaratkan mestilah seorang muslim, hanya sahaja dia perlulah seseorang yang layak menerima pemilikan (Mansur: 2011. Al Zuhaili: 1989). Terdapat beberapa dalil yang menunjukkan bahawa harus seseorang muslim memberikan harta kepada golongan bukan Islam. Antaranya ialah :

1- Firman Allah Taala dalam surah Al-Mumtahanah ayat ke: 8-9:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ. إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ، وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ﴾

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri kamu, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawan mu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negeri mu dan membantu (orang lain) untuk mengusir mu, dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.

Secara jelas Allah Taala menyebutkan bahawa Dia tidak melarang orang-orang Islam memuliakan dan berbuat baik dengan perkataan atau perbuatan terhadap golongan bukan Islam yang hidup dalam keadaan aman damai bersama mereka (Al-Nasafi: 2008).

2- Imam Al-Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi SAW memberi Saidina Umar pakaian lalu beliau menghadiahkan pakaian tersebut kepada saudaranya yang belum memeluk Islam di Makkah (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Hibah. Bab: Hadiah untuk Orang Musyrik. #2619).

Berkata Imam An Nawawi: “Di dalam hadis Umar petunjuk harus seorang muslim menghadihkan kepada seorang musyrik baju dan lainnya” (An Nawawi: Tt).

3- Saidatina Asma binte Abu Bakar berkata bahawa ibuku mendatangiku ketika Rasulullah SAW hidup, lalu aku bertanya kepada Nabi: “Sesungguhnya ibuku mendatangiku dengan mengharap kebaikan (dari anaknya), apakah harus aku berbuat baik kepada ibuku? Nabi SAW bersabda: “Ya, berbuat baiklah kepada ibumu” (Hadis. Al-Bukhari. Kitab: Hibah. Bab: Hadiah untuk orang musyrik. #2618). Para mufassirin mengatakan bahawa kisah Saidatina Asma ini adalah penyebab turunnya ayat ke:8 dari surah Al-Mumtahanah (Al Qurthubi: Tt & Al Jamal: 1996).

4- Imam Muslim meriwayatkan bahawa setelah peperangan Hunain, Nabi SAW memberikan kepada Safwan bin Umayyah seratus ekor binatang ternakan, kemudian ditambah seratus kemudian ditambah seratus. Safwan berkata: “Demi Allah Rasulullah SAW telah memberi aku apa yang diberikan sedangkan ketika itu dialah orang yang paling aku benci, tetapi Baginda terus memberi sehingga dia menjadi orang yang paling aku cintai” (Hadis. Muslim. Kitab: Al Fadha'il. Bab: Nabi tidak pernah diminta sesuatu kemudian dijawab olehnya: “Tidak”. #2313)

Kisah ini menunjukkan Nabi SAW memberi hadiah kepada Saidina Safwan berupa tiga ratus binatang ternakan dengan tujuan melembutkan hatinya menerima dakwah Islam. Ini menunjukkan memberi golongan bukan Islam hadiah adalah sebuah perkara yang harus terlebih lagi jika bertujuan memperlihatkan kecantikan ajaran Islam dan menariknya untuk memeluk agama yang mulia ini. Berdasarkan dalil-dalil seperti yang di atas, para fuqaha bersepakat bahawa harus bagi seseorang muslim memberikan pemberian kepada golongan bukan Islam.

Pemberian Kepada Rumah Ibadat Agama Lain:

Pada kebiasaannya, sesuatu pemberian itu diberikan kepada sesebuah rumah ibadat bertujuan membantu pentadbirannya dalam menampung kos penyelenggaraan, menguruskan keperluan dan meraih maslahat untuk rumah ibadat tersebut supaya ia dapat beroperasi dengan baik. Oleh hal demikian, pemberi dikira sebagai penolong rumah ibadat tersebut dan dia tertakluk di bawah firman Allah Taala dalam surah Al-Maidah ayat ke-2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya: “Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam perbuatan dosa dan pelanggaran”.

Menurut Imam al-Qurthubi (2006) ayat ini adalah suruhan kepada seluruh makhluk untuk saling bantu membantu dalam menjayakan perkara baik, meninggalkan

kemungkarannya dan setiap perkara yang dapat mendekatkan diri seseorang kepada keredhaan Allah. Ia juga melarang mereka untuk saling membantu dalam melakukan larangan Allah Taala dan setiap perkara yang mendatangkan kemurkaan-Nya.

Para ulama mentafsirkan perkataan “البر” dengan melakukan suruhan syarak, dan “التقوى” dengan meninggalkan larangan-Nya serta mengamalkan sunnah. Sementara itu, kata “الإثم” pula merujuk kepada meninggalkan suruhan dan perbuatan kufur sedangkan “العدوان” adalah melakukan larangan, melampaui batas yang telah ditetapkan Allah Taala, berlaku zalim dan membuat bidah (al-Thabari: 2001, al-Nasafi: 2008, al-Jamal: 1996, al-Baghawi: 2002)

Atas dasar ini, para ulama tidak membenarkan pemberian yang bertujuan menolong perbuatan kufur kerana ia adalah maksiat yang terbesar. Tambahan pula pemberian itu diberikan kerana mencari redha dan ganjaran daripada Allah Taala, bagaimana ia akan tercapai jika pemberian itu diberikan untuk menolong sesuatu yang mendatangkan kemurkaan dan kemarahan-Nya. Antara pemberian yang dilarang adalah menyediakan keperluan dan peralatan untuk ruang ibadat mereka seperti lampu, hamparan, kerusi dan sebagainya (Qalyubi: 1998).

Namun begitu, jika pemberian itu ditujukan secara khusus untuk membantu perkara yang tidak berkaitan dengan upacara ibadat dan penyembahan selain Allah Taala seperti memberi sumbangan makanan untuk anak yatim dibawah jagaan rumah ibadat tersebut atau membersihkan halaman, menjaga peralatan yang tidak bersangkutan dengan ibadat dan seumpamanya.

Wasiat Kepada Individu Bukan Islam:

Wasiat adalah antara jenis dan cabang pemberian. Bezanya adalah wasiat hanya terlaksana setelah kematian orang yang berwasiat. Jumhur ulama berpendapat wasiat untuk seorang bukan Islam adalah harus sepertimana pemberian untuk mereka (al-Musili: Tt, al-Abbi: Tt, al-Ramli: 2012 & al-Bahuti: 2000). Diriwayatkan bahawa Saidatina Safiyyah isteri Nabi SAW memberi wasiat kepada saudaranya yang masih beragama Yahudi sebanyak tiga puluh ribu dirham (Ibnu Mulqin. Kitab: Wasiat). Begitu juga Saidina Abbas bin Mirdas mewasiatkan untuk ibu susuannya yang masih beragama Yahudi sebanyak empat puluh dirham (al-Darimi. Kitab: Wasiat. Bab: Wasiat untuk ahli Zimmah).

Sebahagian ulama Malikiyyah berkecuali dari kesepakatan ini dengan mensyaratkan adanya hubungan antara pewasiat muslim dan penerima wasiat bukan Islam. Hubungan itu boleh berupa hubungan persaudaraan, jiran atau orang bukan Islam itu pernah membuat kebaikan kepada orang yang berwasiat. Jika antara keduanya

tidak mempunyai sebarang perhubungan, maka wasiat itu terbatal. Alasan yang dikemukakan adalah bahawa Allah Taala mensyariatkan wasiat sebagai tambahan bagi amalan seseorang setelah kematiannya. Oleh itu, sesuatu wasiat tidak boleh diberikan kepada seorang bukan Islam tanpa sebarang perhubungan dan diketepikan orang Islam (al-Dardir: Tt).

Mazhab Hanbali pula menyatakan bahawa jika wasiat itu dilakukan dengan lafaz umum seperti untuk penduduk kampung dan sebagainya, maka orang bukan Islam tidak boleh mendapatkannya kecuali jika pewasiat itu menyebutkan di dalam lafaz wasiatnya bahawa orang bukan Islam juga berhak ke atas wasiat tersebut (Ibnu Qudamah: 2004)

Wasiat Untuk Rumah Ibadat Agama Lain:

Wasiat untuk rumah ibadat adalah sama hukumnya dengan pemberian untuknya. Hal ini kerana kedua-duanya didasarkan atas keinginan untuk menolong. Oleh itu, ia terikat dengan firman Allah Taala dalam surah Al Maidah ayat ke:2 seperti yang telah dibahaskan di atas. Kesimpulannya, wasiat untuk rumah ibadat agama lain adalah tidak sah kerana ia tergolong dalam wasiat membuat maksiat atau menyetujuinya (Al Kalibuli: 1998, Al Hatthab: 2010, Al Syarbini: 1997, Ibnu Qudamah: 2004)

Wakaf Kepada Individu Bukan Islam:

Wakaf adalah apa jua harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut dari sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Dengan ini, harta yang telah diwakafkan manfaatnya adalah untuk kebajikan umum atau khusus yang telah ditetapkan oleh pewakaf sebagai menjalankan ibadat kepada Allah SWT. (Al Syirazi: Tt).

Sepakat para ulama bahawa harus seorang muslim mewakafkan hartanya untuk seorang bukan Islam. Ini disebabkan akad wakaf itu sah sama ada kelihatan darinya tujuan mendekatkan diri kepada Allah Taala seperti wakaf keatas fakir miskin ataupun tidak kelihatan tujuan tersebut seperti mewakafkan harta untuk seorang yang kaya (Ibnu Nujaim: 2002, Al Amir: Tt, An Nawawi: 1998, Ibnu Muflih: 2003).

Wakaf Untuk Rumah Ibadat Agama Lain:

Antara syarat wakaf yang disepakati oleh para ulama adalah wakaf itu tidak boleh dalam perkara maksiat. Mereka mencontohkan wakaf yang terbatal disebabkan tujuannya adalah maksiat seperti wakaf untuk gereja, rumah api dan tempat ibadat penganut Yahudi. Begitu juga mewakafkan minyak untuk menerangi rumah ibadat tersebut, hampan yang akan digunakan di dalamnya dan hamba untuk berkhidmat menyelenggarakannya. Kesemua ini terbatal dan tidak diperbolehkan disebabkan tujuan dari wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala sedangkan

mewakafkan perkara-perkara tersebut tergolong dalam menolong kemaksiatan dan kekufuran (Ibnu Al Humam: 1977, al-Khursyi: 1997, al-Fisyini: 2009, al-Bahuti: 2004)

Namun begitu, jika wakaf itu diniatkan untuk selain ruang beribadat dan penyembahan seakan kediaman atau bilik mesyuarat dan seumpamanya, maka ia diharuskan kerana perkara tersebut bukanlah maksiat. Imam Abu Hanifah mengharuskan mewakafkan tanah untuk dibangunkan gereja walau fatwa ini ditentang oleh kedua muridnya iaitu Al Qadhi Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan Al Syaibani. Kerana bagi Abu Hanifah yang digunakan untuk bermaksiat adalah bangunannya bukan tanahnya (Ibnu Qudamah: 2004).

PEMBERIAN KEPADA PIHAK RUMAH IBADAT AGAMA LAIN DEMI MENJAGA IMEJ BAIK AGAMA ISLAM:

Singapura merupakan sebuah negara yang berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Menyedari hakikat ini pemerintah telah mengamalkan sikap inklusif dan saling tolong menolong dalam menjaga perpaduan nasional dan keharmonian kaum (Berita harian: 2018 & Iner & Yucel: 2015). Suasana ini memerlukan setiap kaum dan agama memainkan peranan yang aktif dalam merialisasikan agenda ini. Mereka yang bersifat eksklusif serta menjauhkan diri daripada terlibat dalam program nasional akan dipandang serong yang kemudiannya akan mencemarkan nama baiknya.

Ketika melihat pendapat fuqaha silam mereka bersepakat dalam melarang sebarang jenis pemberian kepada pihak rumah ibadat lain, dengan alasan ia termasuk dalam menolong perbuatan kekufuran dan membesarkan selain Allah Taala. Larangan menolong segala bentuk kemaksiatan, kezaliman, kekufuran dan bidah bertujuan menjaga kesucian agama dan kemaslahatan perkara *Al Dharuriyah* yang lain seperti nyawa dan harta.

Akan tetapi, jika pelaksanaan larangan ini sebaliknya membawa kemudaratan yang lebih besar kepada agama dan perkara *al-Dharuriyah* yang lain, maka hukumnya akan berubah seperti dalam situasi di Singapura yang telah disebutkan di atas. Ini berdasarkan konsep kaedah (الضروريات تبيح المحظورات) iaitu "situasi mudarat akan mengharuskan larangan". Situasi mudarat yang dimaksudkan adalah menjaga imej baik dan keindahan agama Islam.

Beberapa ayat Al-Quran mengajar pengikutnya untuk menjaga gambaran keindahan Islam. Demikian pula sebahagian keputusan dan langkah yang diambil oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat bertujuan menjaga keindahan Islam agar ia kekal dipandang mulia dan terhormat di mata kalangan bukan Islam. Sebagai contoh:

1- Allah Taala melarang umat Islam menghina dan memaki sembah orang bukan Islam, walaupun Dia sendiri ada menyifatkan sesembahan itu dengan pekak, buta, tuli, tidak mempunyai kuasa dan sebagainya. Larangan ini demi menjaga keindahan agama Islam yang tidak mahukan perpecahan berlaku dalam sesebuah masyarakat. Firman Allah Taala dalam surah Al Anam ayat-108:

﴿وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa sebarang pengetahuan”.

2- Allah Taala mengajar kaum muslimin bahawa memberi kemaafan itu adalah lebih baik daripada membalas kejahatan dan kezaliman. Firman Allah Taala dalam surah Al Nahal ayat-126:

﴿وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu memberi balasan maka berilah balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan kepada mu, akan tetapi jika kamu bersabar itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang bersabar”. Makna kesabaran di dalam ayat ini ditafsirkan dengan kemaafan (al-Baghawi: 2002).

Dalam ayat ini Allah Taala memberi kebenaran kepada orang-orang yang dizalimi untuk membalas kezaliman tersebut dengan syarat tidak melebihi dari apa yang diperlakukan terhadap mereka. Namun begitu, Allah Taala mengatakan bahawa memberi kemaafan itu adalah yang terbaik. Ayat ini menunjukkan bahawa Allah Taala memperlihatkan keindahan agama-Nya dengan membalas kejahatan dengan kemaafan dan menyarankan agar seseorang itu meninggalkan haknya. Firman ini dikuatkan lagi dengan ayat-149 dari surah al-Nisa:

﴿إِنْ تُبَدُّوا خَيْرًا أَوْ تُخَفُّوهُ أَوْ تُعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفْوًا قَدِيرًا﴾

Maksudnya: “Jika kamu menyatakan sesuatu kebaikan atau menyembunyikan atau memaafkan sesuatu kesalahan, maka sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Kuasa”. Kata (سوء) di sini bermaksud kezaliman (al-Baghawi: 2002).

Bahkan Allah Taala menyuruh seseorang itu berlaku adil kepada sesiapa sahaja termasuk orang yang dibenci. Firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat-8:

﴿وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ ۖ أَلَّا تَعْدِلُوا ۖ إِعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah sesekali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk tidak berlaku adil, berlaku adillah kerana ia lebih dekat kepada ketakwaan”.

3- Agama Islam mengajar penganutnya untuk membuat lebih baik daripada apa yang dilakukan orang lain terhadap mereka. Firman Allah Taala dalam surah An Nisa ayat-86:

﴿وَإِذَا حُيِّئْتُمْ بِهِ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا﴾

Maksudnya: “Apabila kamu dihormati dengan sesuatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan lebih baik atau balaslah dengan serupa, sesungguhnya Allah menghitungkan segala sesuatu”.

Rasulallah SAW pula membalas jasa Saidina Safwan yang meminjamkan kepada Baginda beberapa peralatan perang ketika beliau masih musyrik dengan pemberian sebanyak tiga ratus ekor binatang ternak sehingga beliau memeluk Islam kerananya (Al Masyath: 2006). Imam Muslim meriwayatkan bahawa Safwan berkata: “Demi Allah Rasulullah telah memberi aku apa yang telah diberikannya kepadaku dan sesungguhnya Baginda adalah orang yang paling aku benci. Tetapi Baginda tidak putus memberikanku sesuatu sehingga Baginda menjadi orang yang paling aku cintai” (Kitab: Al Fadhail. Bab: Banyaknya pemberian Nabi. #2313).

4- Saidina Umar pernah melahirkan hasrat untuk membunuh ketua munafik Abdullah bin Ubay bin Salul kerana perkataannya menghina Nabi SAW. Akan tetapi Nabi melarang rancangan tersebut dengan bersabda: “Agar manusia tidak berkata bahawa dia (Nabi Muhammad) membunuh sahabat-sahabatnya” (Hadis. Muslim. Kitab: Al Birr wa Al Shilah. Bab: Menolong saudara yang zalim dan yang dizalimi. #2584). Dalam masa yang lain pula Nabi SAW menyuruh membunuh sebahagian kaum munafik yang menghina Islam secara terang-terangan seperti Asma binte Marwan dan Abi A’fak (Ibnu Hisyam: 1996).

Dari dua kisah ini dapat dilihat, Nabi SAW mengambil keputusannya dengan pertimbangan menjaga nama baik Islam. Dalam kisah Abdullah bin Ubay, dia hanya menghina peribadi Nabi SAW, walaupun perundangan Islam menetapkan hukuman mati bagi mereka yang menghina Nabi tetapi Baginda tidak melaksanakannya kerana berpendapat ia akan mencacatkan gambaran baik agama Islam. Dalam kes Asma dan Abi A’fak pula mereka telah menghina Islam secara terang-terangan dan jika Nabi tidak mengambil tindakan tegas kehormatan agama Islam akan terus dihina dan diperkecilkan. Tindakan Nabi SAW ini benar apabila sebahagian puak bani Khatmah memeluk Islam pada hari kematian Asma lantaran melihat kemuliaan Islam (Ibnu Hisyam: 1996).

5- Saidina Umar meninggalkan hukuman memotong tangan pencuri yang mencuri pada tahun kemarau (Ibnu Abi Syaibah. Kitab: Al Hudud. Bab: Seorang lelaki mencuri buah-buahan dan makanan. #29057 & Ibnu Hajar: Tt). Walaupun ayat yang menyuruh memotong tangan adalah umum tidak mengkhususkan sebahagian masa dari masa yang lain tetapi Saidina Umar berpandangan pelaksanaan hukuman ini pada tahun kemarau akan mencatitkan imej Islam. Bagi beliau menjaga maruah Islam adalah lebih baik daripada menjalankan hukuman hudud tersebut.

Dari contoh-contoh diatas dilihat Nabi SAW dan juga para sahabat cuba untuk menjaga dan mengekalkan gambaran yang indah terhadap Islam di mata manusia. Mereka lebihkan penjagaan ini daripada melaksanakan beberapa perundangan Islam yang lebih kecil impaknya jika dibandingkan dengan kesan mengabaikan penjagaan gambaran baik Islam.

Jika terdapat keadaan seperti ini yang berlaku di Singapura, seperti terdapat rumah ibadat yang ditimpa musibah seperti kebakaran atau mereka memerlukan dana untuk baik pulih dan sebagainya, penulis melihat diperbolehkan menyumbangkan dana kepada rumah ibadat tersebut, terutama apabila mereka pernah menghulurkan sumbangan kepada masjid atau membantu masyarakat Islam.

Kaharusan ini dapat diqiyaskan dengan perbuatan Nabi SAW yang memberikan sebahagian golongan bukan Islam dari harta zakat, asnaf *muallaf*. Pada asalnya harta zakat ini hanyalah untuk orang Islam sahaja sepertimana sabda Nabi kepada Saidina Muaz ketika mengutusnyanya ke Yaman “Ajarkanlah kepada mereka Allah Taala mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil dari kalangan orang kaya diantara mereka dan diberikan kepada golongan fakir diantara mereka” (Hadis. al-Bukhari. Kitab: Al Maghazi. Bab: Pengutusan Abi Musa dan Muaz ke Yaman sebelum Haji Wada’. #4347). Namun begitu, ia mestilah diberikan kepada golongan bukan Islam tertentu demi menjaga keselamatan agama Islam dan kaum muslimin dari kejahatan mereka. Aspek yang diperhatikan dalam pemberian tersebut adalah kepada urusan menguatkan Islam serta menghindarkannya dari bahaya dan bukannya masalah kemiskinan dalam kalangan *muallaf*. Disebabkan itu tidak timbul unsur harta iaitu sama ada *muallaf* itu seorang yang kaya atau miskin ia berhak mendapatkannya (Abd Khafidz: 2017). Demikian juga pemberian kepada rumah ibadat bertujuan menjaga maruah dan imej keindahan Islam di mata kalangan bukan Islam dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Keharusan pemberian muslim kepada rumah ibadat agama lain adalah berasaskan keringanan ataupun darurat. Oleh itu, keharusan ini tidak boleh dilakukan secara mutlak, tetapi perlu dibatasi dengan beberapa syarat:

1- Diyakini imej agama Islam akan menjadi buruk jika tidak dihulurkan sumbangan kepada rumah ibadat tersebut. Sepertimana jika sesebuah rumah ibadat mengalami kebakaran lalu agama-agama lain telah menghulurkan sumbangan dalam baik pulih rumah ibadat tersebut hanya sahaja wakil dari agama Islam yang tidak menghulurkan bantuan. Keadaan ini menjadikan agama Islam akan dipandang buruk dan akan terbuka kepada fitnah dan tomahan.

Syarat ini diletakkan kerana keharusan ini adalah sebuah keringanan “*Rukhsah*” dari hukum asal yang melarang memberikan pemberian kepada pihak rumah ibadat agama lain. Kaedah dalam rukhsah adalah ia tidak akan berlaku jika terdapat keraguan atau syak di dalamnya (الرخصة لا تناط بالشك) (Al Sayuthi: 2015).

2- Bantuan yang dihulurkan hendaklah hanya melalui saluran badan Islam tertinggi dalam sesebuah negeri seperti majlis agama, persatuan Islam yang besar di sesebuah negeri dan wakil-wakil rakyat dari kalangan muslimin. Hal ini kerana, dengan sumbangan melalui saluran merekalah imej agama Islam akan terjaga. Sumbangan individu tidak akan memberi sebarang kesan dalam memperbaiki imej agama Islam kerana sumbangan mereka pada lazimnya tersembunyi dan tidak mendapat sorotan akhbar. Dengan sumbangan individu kekal pada hukum asalnya yang disebutkan oleh para fuqaha.

3- Pemberian itu tidaklah terlalu sedikit atau banyak. Iaitu pada kadar berpatutan yang dapat menjaga maruah agama Islam. Syarat ini perlu diletakkan agar pemberian itu tidak berlebihan dari kadar keperluan kerana sesebuah perkara yang diharuskan atas dasar darurat ataupun keringanan hendaklah dilaksanakan pada kadar keperluan sahaja (الضرورة تقدر بقدرها). Ia sejajar juga dengan kaedah (الرخصة لمعنى خاص لا) (Al Ghazzi: 2000) yang bermakna keringanan dengan sebuah makna khusus, tidak akan wujud dengan kehilangan makna tersebut. Jika sejumlah pemberian dapat menghilangkan pandangan negatif terhadap agama Islam, maka jumlah yang lebih besar dari itu kembali kepada hukum asal iaitu dilarang.

4- Tidak diniatkan sumbangan itu untuk membangun berhala atau keperluan penyembahan yang lain seperti ruang yang dikhususkan untuk ibadat dan sebagainya, walaupun niat penerima adalah untuk perkara tersebut seperti yang diumumkankannya. Kerana niat yang dikira adalah niat pembuat atau pemberi bukannya niat penerima, ia seperti kaedah maksud perkataan mengikut orang yang mengucapkannya (مقاصد اللفظ على نية الالفاظ) (Madrasah Al Junied: Tt).

Sepertimana dalam kisah raja Najasyi ketika pembesar dan rakyatnya berkumpul lalu menunjukkan kemarahan kerana Najasyi telah meninggalkan agama Nasrani dengan

memeluk agama Islam. Beliau lalu menulis sepucuk surat yang berisi penyaksian tiada Tuhan selain Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah dan Isa adalah hamba Allah. Surat itu lalu diletakkannya di dalam bajunya pada sisi dada sebelah kanan. Beliau kemudian berjumpa rakyatnya dan bertanya: “Apakah kepercayaan kamu semua terhadap Isa? Mereka menjawab: “Kami meyakini dia adalah anak Allah”. Najasyi lalu meletakkan tangan ke atas dadanya disebelah kiri bertepatan di atas surat tersebut sambil berkata: “Aku menyaksikan Isa tidak lebih dari ini” yang dimaksudkannya adalah apa yang ditulis di dalam surat tersebut walaupun rakyatnya beranggapan yang dimaksudkannya adalah perkataan mereka bahawa Isa adalah anak Allah Taala (Ibnu Hisyam: 1996).

5- Hendaklah digunakan dana yang disediakan untuk maslahat umum, bukan untuk maslahat orang-orang Islam secara khusus seperti zakat.

PEMBERIAN ZAKAT DARI ASNAF MU'ALLAF UNTUK RUMAH IBADAT AGAMA LAIN:

Zakat adalah antara ibadat terbesar di dalam Islam dan ia merupakan rukunnya yang ketiga. Zakat terbahagi kepada dua jenis, iaitu zakat fitrah dan harta. Zakat fitrah adalah, makanan yang wajib dikeluarkan pada hari raya puasa oleh setiap orang Islam yang mempunyai kelebihan makanan bagi dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya untuk siang dan malam Hari Raya (Al Khatib: 2001). Sementara zakat harta adalah, nama bagi harta yang dikeluarkan dari harta tertentu, menurut peraturan-peraturan tertentu dan diberikan kepada golongan penerima yang tertentu (Al Khatib: 2001).

Allah Taala telah menentukan golongan yang berhak menerima zakat ini di dalam surah At Taubah ayat ke:60:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha bijaksana”.

Golongan yang berhak menerima zakat ini dikenali dengan asnaf lapan. Secara dasarnya para ulama berpendapat zakat tidak boleh diberikan kepada orang bukan

Islam kerana sabda Nabi SAW kepada Saidina Muaz ketika mengutusnyanya ke Yaman: “Sesungguhnya kamu akan mendatangi ahli kitab, serulah mereka kepada penyaksian tidak ada Tuhan melainkan Allah dan aku adalah utusan Allah. Jika mereka mentaati kamu dalam perkara tersebut maka ajarkanlah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka lima kali sembahyang sehari semalam. Jika mereka mentaati kamu dalam perkara tersebut maka ajarkanlah kepada mereka Allah Taala mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil dari kalangan orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada golongan fakir di antara mereka”.

Kata ganti nama “mereka” dalam perkataan “orang kaya diantara mereka” dan “golongan fakir di antara mereka” kembali kepada kaum muslimin. Ibnu Munzir (An Nawawi: Tt) dan Ibnu Qudamah (2004) mengatakan telah terjadi kesepakatan di antara para ulama bahawa zakat tidak boleh diberikan kepada golongan bukan Islam. Akan tetapi dakwaan ijmak ini dicabar dengan adanya sebilangan kecil para ulama yang mengharuskan zakat diterima oleh golongan bukan Islam seperti Ibnu Sirin, Ikrimah, Al Zuhri dan Zufar (Al Sarakhsi: Tt & An Nawawi: Tt). Bagi Imam Abu Hanifah dan Muhammad bin Hasan, golongan bukan Islam layak menerima zakat fitrah (Al Kasani: 1997).

Mereka berhujah dengan keumuman perkataan fakir, miskin dan sebagainya yang terdapat dalam ayat asnaf lapan. Ayat tersebut tidak mengkhususkan ianya hanya untuk orang Islam sahaja. Tambahan pula, dengan riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi SAW bersabda: “Berilah sedekah (zakat) ke atas penganut setiap agama” (Al Zailai’: Kitab: Zakat. #36). Saidina Umar juga dikatakan memberi zakat kepada segolongan kaum Nasrani yang ditimpa penyakit kusta ketika beliau di dalam perjalanan ke Syam (Al Balzuri: 1987). Begitu juga dengan periwayatan Ibnu Abi Syaibah bahawa Jabir bin Zaid menjawab ketika ditanya kemanakah zakat itu disalurkan: “Ia diberikan kepada golongan miskin dari kalangan muslim dan ahli *Zimmah*” (Ibnu Abi Syaibah. Kitab: Zakat. Bab: Pemberian zakat untuk selain muslim. #10502).

Perselisihan yang berlaku dalam masalah ini dianggap lemah oleh para ulama, sehingga mereka tidak mengakui pendapat yang mengharuskan golongan bukan Islam menerima zakat, lalu mengatakan telah terjadinya ijmak antara ulama bahawa mereka bukanlah dari kalangan yang layak menerimanya (An Nawawi: Tt). Kelemahan ini berpunca dari kelemahan dalil yang dikemukakan pihak yang mengharuskan golongan bukan Islam menerima zakat. Kisah Saidina Umar adalah sebuah kisah yang lemah, manakala periwayatan dari Nabi SAW dalam bab ini dan juga riwayat Jabir bin Zaid adalah *mursal* tidak dapat mengatasi hadis Saidina Muaz yang disepakati kesahihannya.

Perselisihan yang lemah ini adalah pada masalah pemberian zakat kepada golongan bukan Islam dari asnaf selain *mu'allaf*, adapun pemberian kepada mereka dari asnaf *mu'allaf* mempunyai khilaf yang kuat diantara para fuqaha.

Mazhab Hanafi: Mereka berpendirian bahawa asnaf *mu'allaf* telah dimansuhkan atau digugurkan (Al Razi: 2007) dengan ijmak para sahabat Nabi pada zaman Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan berasaskan hadis Saidina Muaz (Ibnu Abidin: 2003 & Al Hummam: 1977). Ijmak dari para sahabat itu dicituskan oleh Saidina Umar ketika Saidina Abu Bakar sebagai khalifah hendak memberikan zakat kepada dua orang lelaki iaitu Huyaynah bin Hisn dan Al Aqra bin Habis ketika mereka berdua memintanya. Saidina Umar lantas mengutarakan pendapatnya dengan mengatakan: "Sesungguhnya Rasulullah SAW memberikan kepada kamu (harta zakat) kerana pada ketika itu Islam masih kecil pengikutnya. Akan tetapi pada waktu ini Allah Taala telah menguatkan Islam". Saidina Abu Bakar bersetuju dengan pendapat Saidina Umar lalu tidak memberikan zakat kepada mereka berdua (Al Baihaqi. Kitab: Qism Al Sadaqaat. Bab: Gugurnya bahagian *mu'allaf*. #13464). Ini juga pendapat Imam Al Sya'bi dan Al Hasan Al Basri (Baihaqi: 2005).

Saidina Umar tidaklah mengubah hukum yang telah ditetapkan Allah Taala di dalam Al Quran. Hanya sahaja beliau mengeluarkan sesebuah hukum mengikut *illah* hukum tersebut. Jika ianya ada maka diteruskan hukum tersebut dan jika mana tidak maka ditiadakan hukum itu (Hafidzh: 2017).

Disebabkan pendirian asnaf *mu'allaf* telah dihentikan kerana ketiadaan *illah*nya lagi mazhab Hanafi tidak membincangkan dengan lebih lanjut hukum pengagihan zakat yang bersangkutan dengan asnaf ini.

Mazhab Maliki: Mazhab Maliki mengatakan terdapat dua golongan yang berada di bawah asnaf *mu'allaf*. Golongan pertama adalah mereka yang belum memeluk Islam tetapi diberikan zakat dengan tujuan menjinakkan hati mereka kepada Islam. Golongan kedua pula adalah mereka yang baru sahaja memeluk Islam tetapi belum mantap keimanan mereka, diharapkan dengan pemberian zakat kepada mereka akan semakin kuatlah keimanan mereka (Al Khursyi: 1997).

Para fuqaha Maliki berselisih pendapat mengenai kedua-dua golongan ini. Di antara mereka berpendapat kedua-dua golongan *mu'allaf* ini masih lagi harus menerima zakat. Akan tetapi diberikan kepada orang bukan Islam untuk menjinakkan hati mereka memeluk Islam supaya mereka terselamat dari api neraka dan bukannya supaya mereka menolong agama Islam (Al Shawi: 1995).

Golongan ulama kedua berpendapat hanya mereka yang baru memeluk Islam sahaja yang masih boleh menerima zakat sedangkan golongan yang satu lagi telah

dihentikan kelayakkan mereka dari menerima zakat dengan sebab yang telah disebutkan pada perbincangan mazhab Hanafi (Ibnu Juzzi: 2005).

Mazhab Syafie: Mazhab Syafie berpendapat bahawa asnaf *mu'allaf* adalah mereka yang baru memeluk Islam sedangkan hati mereka masih lemah kepadanya atau mereka yang telah kuat hatinya kepada Islam hanya sahaja memberinya zakat dapat menjadikan pengikutnya memeluk Islam. Para ulama As Syafiiyah berbeza pendapat apakah golongan ini masih boleh menerima zakat. Adapun *mu'allaf* bukan Islam yang diharapkan memeluk Islam dengan pemberian zakat atau yang ditakuti kejahatannya, sudah tidak diperbolehkan menerima zakat secara sepakat (Al Syarbini: 1997).

Mazhab Hanbali: Mazhab Hanbali sependapat dengan mazhab yang lain dalam penafsiran *mu'allaf* yang terbahagi kepada kalangan muslim dan bukan muslim. Kecuali mereka masih menegaskan bahawa golongan bukan Islam yang ditakuti kejahatannya boleh menerima zakat dari asnaf ini. Ia diberikan kepada ketua atau pemimpin mereka sahaja (Al Maqdas: 2004). Namun terdapat juga yang berpendapat bahawa asnaf *mu'allaf* telah digugurkan atau pemberiannya kepada golongan bukan Islam yang ditakuti kejahatannya sahaja yang digugurkan (Al Mardawi: 1997).

Dari pembentangan di atas dilihat kebanyakan para fuqaha tidak menyetujui zakat dari asnaf *mu'allaf* diberikan kepada golongan bukan Islam. Mereka beralasan bahawa Islam telah kuat dan tidak memerlukan pemberian sebegini untuk menghindari kejahatan golongan bukan Islam. Hanya mazhab Hanbali dan segelintir ulama Maliki yang membenarkan pemberian zakat kepada kalangan bukan Islam bagi menghindari kejahatan mereka. Penyokong pendapat ini mensyaratkan pemberian itu diberikan kepada pemimpin golongan bukan Islam tersebut dan diyakini mereka mempunyai kemampuan berbuat jahat dan zalim kepada orang Islam.

Dalam konteks Singapura, walaupun masyarakat Islam merupakan golongan minoriti, namun mereka dilindungi oleh undang-undang keharmonian agama yang dikenali dengan "Maintenance of Religious Harmony Act" atau singkatannya (MRHA). Akta ke: 8 undang-undang ini melarang sebarang bentuk kejahatan yang ditujukan kepada mana-mana kumpulan agama di Singapura. Dengan penggubalan undang-undang (MRHA) ini ketakutan terhadap kezaliman dan penganiayaan dari kumpulan agama lain telah tiada lagi (Attorney General's Chambers: 2020). Justeru itu, dana zakat tidak boleh diberikan kepada golongan bukan Islam dari asnaf *mu'allaf* dengan tujuan menghindarkan kejahatan mereka.

Jika dikatakan pemberian dari asnaf *mu'allaf* itu bertujuan menghindarkan pandangan negatif terhadap agama Islam atau menjaga imej baik Islam, ia tetap tidak diperbolehkan, kerana perkara tersebut adalah implikasi dari perbuatan kaum

muslimin sendiri. Tambahan pula ia bukanlah sebuah bentuk kezaliman fizikal atau kezaliman yang mendatangkan kemudaratan yang besar terhadap diri dan emosi kaum muslimin.

Penulis berpendapat bahawa zakat adalah syiar Islam. Ia diambil dari mereka yang mempunyai kelebihan dari kalangan masyarakat Islam dan ia hendaklah disalurkan kembali kepada mereka yang memerlukan dari kalangan orang Islam. Pemberian yang hendak diberikan kepada rumah ibadat agama lain bolehlah diambil dari dana selain zakat seperti dana Baitul Maal atau dari harta yang dilarang kaum muslimin memilikinya seperti hasil riba. Harta yang haram ini disalurkan kepada penguasa agama Islam yang kemudian akan digunakan untuk maslahat agama Islam dan kaum muslimin. Menjaga imej baik agama Islam termasuk di dalam maslahat tersebut.

KESIMPULAN:

Pemberian seorang muslim kepada individu bukan Islam lain adalah dibenarkan dalam bentuk apa cara sekalipun. Hanya mazhab Maliki yang mensyaratkan perlu adanya perhubungan di antara pewasiat muslim dan penerima wasiat dari kalangan bukan Islam. Pemberian kepada rumah ibadat agama lain pula adalah ditegah kerana ia termasuk menolong dalam perkara maksiat dan kemungkaran. Namun demi menjaga imej baik agama Islam dan mengelakkan pandangan negatif dari kerajaan dan masyarakat yang berada di dalam negeri yang berbilang bangsa dan agama, diharuskan bagi penguasa agama Islam setempat dan pemimpinnya memberi sumbangan kepada rumah ibadat ini dalam kadar keperluan dan syarat tertentu sebagaimana dilihat perbuatan Nabi SAW yang pernah meninggalkan perundangan tertentu demi menjaga imej baik agama Islam. Pemberian kepada rumah ibadat agama lain tidak boleh menggunakan hasil kutipan zakat walau dari asnaf *mu'allaf*, bahkan ia hendaklah diberikan dengan menggunakan dana Baitul Maal atau kumpulan wang yang tidak boleh dimiliki oleh seorang muslim yang akan digunakan bagi kemaslahatan masyarakat Islam.

RUJUKAN:

Al Quran Al Karim

Abd Khafidz, Hsanah. 2017. *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat*. Negeri Sembilan: PenerbitUniversiti Sains Islam Malaysia.

Al-Abbi, Salih Abdul Sami'. Tt. *Jawahir Al Iklil*. Beirut: Maktabah Al Tsaqafiyah.

Al-Aini, Mahmud bin Ahmad. 1980. *Al Binayah Syarah Al Hidayah*. Beirut: Dar Al Fikr.

Al-Amir, Muhammad bin Muhammad. 2011. *Al Iklil Syarah Mukhtasar Al Khalil*. Qahirah: Darul Fadhilah.

Al-Ansari, Zakariyya bin Muhammad. 2005. *Tuhfatul Al Thullab*. Beirut: Syirkah Al Masyarie.

Al-Baghawi, Hussain bin Masud. 2002. *Tafsir Al Baghawwi*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.

Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 2000. *Syarah Muntaha Al Iradat*. Beirut: Muassasah Al Risalah.

Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 2004. *Al Raud Al Murbi'*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.

Al-Balzuri, Ahmad bin Yahya. 1987. *Futuh Al Buldan*. Beirut: Muassasah Al Ma'rif.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al Bukhari*. Kaherah: Dar Al Rayyan.

Al-Dardir, Ahmad bin Muhammad. Tt. *Al Syarh Al Saghir*. Kaherah: Dar Al Ma'rif.

Al-Darimi, Abdullah bin Abd Rahman. Tt. *Sunan Al Darimi*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.

Al-Fisyini, Ahmad bin Hijazi. 1997. *Ma'wahib Al Shamad*. Kaherah: Dar Al Fadhilah.

Al-Ghazzi, Muhammad Sidqi bin Ahmad. 2000. *Mausuah Al Qawaid Al Fiqhiyyah*. Riyadh: Maktabah Al Taubah.

Al-Hatthab, Muhammad bin Muhammad. 2010. *Ma'wahib Al Jalil*. Kaherah: Dar Al Hadis.

Al-Jamal, Sulaiman bin Umar. 1996. *Al Futuhat Al Ilahiyyah*. Beirut: dar Al Kutub Al Ilmiyyah.

Al-Kalibuli, Abdul Rahman biin Muhammad. 1998. *Majma Al Anhar*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.

- Al-Kasani, Abi Bakar bin Masud. 1997. *Al Badai Al Shanaie*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Khatib, Omar bin Abdullah. 2001. *Panduan Ilmu Fiqh: Bab Puasa & zakat Omar Al Khatib*. Singapore: SAH Publication.
- Al-Maqdasi, Abu Muhammad bin Qudamah. 2004. *Al Kafi*. Kaherah: Dar Al Aqidah.
- Al-Mardawi, Ali bin Sulaiman. 1997. *Al Inshaf*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Masyath, Hasan bin Muhammad. 2006. *Inarah Al Duja fi Maghazi Khairi Al Wara*. Jeddah: Dar Al Minhaj.
- Al-Mushili, Abdullah bin Mahmud. Tt. *Al Ikhtiyar li Ta'li Al Mukhtar*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Nafrawi, Ahmad bin Ghanim. 2005. *Al Fawakih Al Dawani ala Risalah Abi Zaid Al Qairawani*. Beirut: Al Maktabah Al Asriyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. Tt. *Syarah Muslim*. Beirtu: Muassasah Al Kutub Al Ilmiyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. Tt. *Al Majmu*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya bin zakariyya. 1998. *Al Minhaj*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Qalyubi, Ahmadbin Ahmad. 1998. *Hasyiyah Al Qalyubi ala Syarh Jalaluddin Al Mahalli*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al Jami li Ahkam Al Quran*. Mansurah: Maktabah Al Iman.
- Al-Rafie, Abdul Karim bin Muhammad. 1997. *Al Aziz Syarah Al Wajiz*. Beirut: Dar Al Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Muhammad bin Ahmad. 2012. *Nihayah Al Muhtaj*. Keherah: Maktabah Al Taufikkiyyah.
- Al-Razi, Husam Al Din Ali bin Makki. 2007. *Khulasah Al Dalail fi Tanqih Al Masail*. Riyadh: Maktabah Al Ruysd.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. Tt. *Al Mabsuth*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Sayuthi, Abdul Rahman bin Abu Bakar. 2015. *Al Aysbah wa Al Nazhair*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al-Shawi, Ahmad. 1995. *Bulghatu Al Salik li Aqrab Al Masalik*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.

- Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 1983. *Al Umm*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Al Khatib. 1997. *Mughni Al Muhtaj*. Beirut: Dar Al Marifah.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali. Tt. *Al Muhazzab*. Semarang: Maktabah Putra.
- Al-Thabari, Muhammad bin Jarir. 2001. *Jami Al Bayan*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1989. *Al Fikh Al Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Attorney General's Chambers. 2 March 2020. *Maintenance of Religious Harmony Act*.
www.statutes.agc.gov.sg
- Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Al Hussain. 2005. *Al Sunan Al Kubra*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Berita Harian. 2018. *Kita perlu terus berusaha gigih pupuk masyarakat inklusif untuk capai SG1000 dan seterusnya, kata Maliki*. 4 Mei.
- Ibnu Abi Syaibah, Abdullah bin Muhammad. 2004. *Al Musannaf*. Riyadh: Maktabah Al Ruysd.
- Ibnu Al Hummam, Muhammad bin Abdul Wahid. 1977. *Fathu Al Qadir*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali. *Talkhis Al Khabir*. Beirut: Dar Al Ma'rifah.
- Ibnu Hisyam, Abdul Malik. 1996. *Al Sirah Al Nabawiyah*. Beirut: Dar Al Khair.
- Ibnu Juzzi, Muhammad bin Ahmad. 2005. *Al Qawanin Al Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar Al Hadis.
- Ibnu Muflih, Muhammad bin Muflih Al Maqdisi. 1997. *Al Furu*. Beirut: dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Ibnu Mulqin, Umar bin Ali. 2004. *Al Badru Al Munir*. Al Riyadh: Dar Al Hijrah li Al Naysri wa Al Tauzi'.
- Ibnu Nujaim, Umar bin Ibrahim. 2002. *Al Nahru Al Faiq*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al Mughni*. Qahirah: Darul hadis.
- Iner, Derya & Yucel, Salih. 2015. *Muslim Identity Formation in Religiously Diverse Societies*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.
- Madrasah Al Junied. 2001. *Mukhtasar Qawaid Al Fiqhiyyah*. Singapura: tanpa pencetak.

Mansur, Said Wajih. 2011. *Ahkamu Al Hadiah fi Fikh Al Islami*. Palestin: Jamiah Al Najah Al Wathaniyyah.

Muslim bin Al Hajjaj. 2006. *Sahih Muslim*. Al Riyadh: Maktabah Thaibah.

Nasafi, Abdullah bin Ahmad. 2008. *Madarik Al Tanzil*. Beirut: Darul Al Kutub Al Ilmiyah.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.